UNTUK KELUARAN SEGERA

MYDIGITAL ID MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN BERSAMA SABAH CREDIT CORPORATION DAN EZYTAP UNTUK MEMACU INTEGRASI IDENTITI DIGITAL YANG SELAMAT DALAM PERKHIDMATAN PENYELESAIAN KEWANGAN

Kerjasama itu bertujuan untuk meningkatkan rangkuman kewangan di samping menyampaikan perkhidmatan yang selamat dan lancar kepada pelanggan

Kota Kinabalu, 27 November 2024 – MyDigital ID Sdn Bhd, Sabah Credit Corporation (SCC), and Ezytap Sdn Bhd secara rasmi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk merevolusikan pengesahan identiti digital dan menjadikan perkhidmatan kewangan lebih mudah diakses di Sabah. Kerjasama ini dijangka memberikan sistem pengesahan identiti yang selamat, lancar, dan berkesan, selaras dengan usaha Sabah untuk mempercepat transformasi digital dan pertumbuhan ekonomi.

MoU itu memberi tumpuan kepada integrasi sistem identiti digital terkini MyDigital ID ke dalam aplikasi perkhidmatan kewangan oleh SCC, dengan Ezytap menyediakan kepakaran teknikal untuk memudahkan integrasi. Kerjasama itu bertujuan untuk memudahkan cara rakyat Sabah mengakses perkhidmatan SCC dengan mengurangkan keperluan untuk dokumentasi fizikal, memperbaiki masa pendaftaran, dan meningkatkan kemudahan pengguna. Selain menambah baik pengalaman pengguna, inisiatif ini akan membantu mengurangkan risiko penipuan dan mengukuhkan kepercayaan dalam transaksi digital.

MyDigital ID akan menyediakan sistem identiti digital yang menjadi teras kerjasama, manakala Ezytap akan memastikan integrasi lancar ke dalam platform web dan mudah alih SCC. Sebagai penyedia sistem yang terintegrasi, SCC akan menyampaikan perkhidmatan digital yang dipertingkatkan kepada penggunanya, menjadikan perkhidmatan kewangan selamat dan mudah diakses bagi penduduk Sabah.

Kerjasama selama setahun itu dijangka memberikan manfaat segera dan jangka panjang. Dalam jangka pendek, pengguna SCC boleh menikmati proses permohonan pembiayaan kredit yang lebih lancar dan pantas, manakala keperluan untuk dokumentasi berulang akan berkurangan dengan ketara. Dalam jangka panjang, integrasi ini akan mengukuhkan kepercayaan terhadap perkhidmatan kewangan digital, meluaskan akses kepada pembiayaan dan menggalakkan rangkuman kewangan di seluruh Sabah. Ia juga menyokong matlamat transformasi digital negeri, membuka jalan untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Bagi kerajaan negeri Sabah, kerjasama ini mewakili satu langkah ke hadapan dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan tadbir urus digital sambil mengurangkan risiko penipuan. Bagi pengguna akhir, ia menawarkan cara yang lebih mudah dan selamat untuk mengakses perkhidmatan kewangan, menjimatkan masa dan usaha. Sementara itu, perniagaan akan mendapat manfaat daripada pengurangan beban pentadbiran, penerimaan pelanggan yang lebih pantas dan peningkatan kepercayaan terhadap platform digital mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif, MyDigital ID Sdn Bhd , Encik Mohd Mirza Mohamed Noor berkata, “Kerjasama ini merupakan langkah penting ke arah menjadikan Sabah peneraju dalam transformasi digital. Dengan mengintegrasikan MyDigital ID, kami membangunkan sistem yang selamat dan mesra pengguna yang memberi manfaat kepada individu, perniagaan dan agensi kerajaan.”

Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Kredit Sabah, Encik George Taitim Tulas berkata, “Melangkah ke 2025, kerjasama ini meletakkan asas bagi komitmen kami terhadap transformasi digital dan menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat Sabah. Melalui kerjasama ini, kami mengambil langkah penting untuk meningkatkan kemudahan dan keselamatan bagi rakyat, menjamin perlindungan data peribadi dan transaksi kewangan mereka.

Sejak diumumkan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, kios pendaftaran MyDigital ID telah ditempatkan di cawangan-cawangan JPN terpilih, Pusat Penyebaran Maklumat Nasional (NADI), dan premis Tealive di seluruh negara. Sehingga kini, lebih 1.2 juta pengguna telah mendaftar dengan MyDigital ID.

Pelaksanaan MyDigital ID menandakan satu langkah penting ke arah mewujudkan persekitaran digital yang lebih mesra pengguna dan selamat, selaras dengan visi kerajaan untuk memanfaatkan teknologi bagi memperkasa rakyat. MyDigital ID juga ingin menegaskan dan memberi jaminan kepada rakyat Malaysia bahawa MyDigital ID tidak menyimpan sebarang data biometrik penggunanya. Ia juga tidak mengumpul, memantau atau menyimpan data peribadi, di samping memastikan pengguna tidak mempunyai lebih daripada satu identiti digital sebagai langkah keselamatan.

MyDigital mengalu-alukan penyertaan sektor swasta, perniagaan, pembangun, dan pencipta aplikasi untuk meneroka pelbagai manfaat daripada integrasi MyDigital ID ke dalam platform mereka. Dengan menggunakan penyelesaian pengesahan identiti yang selamat dan boleh diskalakan ini, organisasi dapat meningkatkan kepercayaan pelanggan, mempercepat proses pendaftaran, dan mengurangkan risiko penipuan. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.digital-id.my .

TAMAT

Mengenai My Digital ID Sdn. Bhd.:

My Digital ID Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat milik penuh MIMOS Berhad, telah ditubuhkan pada 15 Januari 2024. Sebagai peneraju dalam pengurusan identiti digital nasional, kami menyediakan penyelesaian inovatif yang meningkatkan keselamatan, memperbaiki pengalaman pengguna, dan membina kepercayaan dalam persekitaran digital. Dengan komitmen terhadap kecemerlangan dan kepuasan pengguna, kami bersedia untuk memimpin evolusi identiti digital pada masa hadapan.

Mengenai MyDigital ID:

MyDigital ID ialah platform identiti digital yang selamat dan dipercayai yang dibangunkan untuk mengukuhkan dan memudahkan pengesahan identiti dalam talian, tanpa menggantikan sistem MyKad. Ia berfungsi sebagai penyelesaian log masuk tunggal untuk perkhidmatan digital, menawarkan keselamatan dan kebolehcapaian yang lebih besar kepada rakyat dalam mengakses perkhidmatan dalam talian dan melakukan transaksi.

MyDigital ID mengutamakan keselamatan dan privasi data. Ia tidak menyimpan sebarang data biometrik atau pangkalan data peribadi dan tidak berfungsi sebagai pengganti MyKad untuk tujuan pengenalan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.digital-id.my

Untuk pertanyaan media, sila hubungi pasukan Komunikasi Korporat kami:

Susie Annie Tamin
Ketua Komunikasi & Promosi
My Digital ID Sdn Bhd
E-mel: susie.tamin@mimos.my

Nur Farah Ilyana Idros
Eksekutif Kanan, Perhubungan Awam & Komunikasi
My Digital ID Sdn Bhd
E-mel: ilyana.idros@mimos.my